From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 16 August, 2022 2:54:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOZECOM, NIGERIA JALIN KERJASAMA DENGAN IPIZ

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 OGOS 2022 / 18 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: IPIZ

SOZECOM, NIGERIA JALIN KERJASAMA DENGAN IPIZ



UUM ONLINE: Sokoto State Zakkat and Endowment Commission (SOZECOM), Sokoto, Nigeria menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Ketibaan delegasi yang diketuai Pengerusi Eksekutif SOZECOM, Muhammad Lawal Maidoki (Sadaukin Sakkwato) disambut Pengarah IPIZ, Prof. Madya Dr. Selamah Maamor beserta Timbalan Pengarah dan Felo Penyelidik IPIZ di Anjung Tamu, sebelum ke pejabat IPIZ di Pusat Konvensyen, UUM.

Dalam pertemuan itu, Selamah memberi penerangan tentang UUM dan IPIZ yang ditubuhkan untuk menjadi pusat rujukan zakat terkemuka dunia.

“IPIZ kini aktif menjalankan penyelidikan, perundingan dan program latihan untuk pembangunan ekonomi Ummah Dan akan terus berusaha memastikan hala tuju IPIZ selari dengan Al-Quran dan Sunnah demi memenuhi Maqasid Shariah,” katanya.

Beliau juga berkongsi pengalaman IPIZ bekerjasama dengan LZNK melalui penyelidikan dan inovasi yang dijalankan.

Beliau turut menawarkan bentuk kerjasama yang boleh dilaksanakan antara IPIZ dan SOZECOM selain penyelidikan dan latihan termasuklah sebagai felo bersekutu, felo industri, rakan IPIZ serta kerjasama dalam International Conference of Zakat, Waqaf, Tax and Economic Development (ZAWED).

Sementara itu, Muhammad Lawal yakin kolaborasi antara IPIZ dan SOZECOM dapat diperkasakan lagi untuk manfaat dan kebaikan kedua-dua belah pihak demi pembangunan ekonomi ummah.

Beliau menzahirkan rasa kagum terhadap model IPIZ yang terhasil daripada kerjasama antara LZNK dan UUM yang wajar dicontohi.

“Kami sedang mengikuti program latihan di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) selama dua minggu walaupun sarat dengan aktiviti di LZNK, namun kami tetap meluangkan masa melawat UUM kerana berhasrat menjalinkan kerjasama rapat terutamanya dalam penyelidikan dan latihan,” ujarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.